

Muak senario politik negara

Remaja mahu ketua atau pemimpin tunjuk contoh teladan baik kepada rakyat



yang boleh membuatkan adik tidak selesa pemikiran sehingga membabitkan pandangan negatif terhadap situasi politik negara.

Dr memahami apa yang adik rasa.

Pemimpin sering kali dilihat sebagai pembela bangsa dan negara. Justeru, apabila pemimpin tidak dapat melaksanakan tugas dengan baik, yang menerima kesannya ialah masyarakat dan rakyat.

Seorang ketua atau pemimpin sepatutnya tidak menunjukkan contoh yang jelik agar rakyat memandang tinggi kepada mereka.

Pemimpin dipilih kerana rakyat mempercayai mereka untuk membela nasib. Lantaran itu, kesejahteraan rakyat dijadikan perjuangan utama pemimpin.

Rakyat memilih pemimpin agar mereka dapat menjalankan tugas kepeimpinan dengan baik.

Generasi muda seperti adik akan kehilangan contoh atau 'role model' apabila pemimpin tidak dapat menjalankan tugas mereka.

Apa yang menggembarakan, negara kita masih mempunyai ramai pemimpin berkaliber serta mampu melaksanakan tugas memimpin dengan baik.

Dr harap kepemimpinan mereka boleh dijadikan teladan kepada generasi muda. Marilah sama-sama kita mendoakan agar negara kita akan terus makmur dan sejahtera.

? Saya remaja berusia 16 tahun. Saya bosan melihat keadaan senario politik negara yang kacau-bilau, malah saya tidak gembira dengan keadaan itu.

Elemen saling menghasut banyak berlaku ditambah dengan pelbagai provokasi sensitif yang tidak seharusnya berlaku.

Sebagai remaja, saya melihat sepatutnya ketua atau pemimpin perlu menunjukkan contoh teladan yang baik kepada rakyat.

Namun, kebanyakannya tidak begitu, malah ada yang sanggup memporkan-perandakan negara ini.

Saya takut jika perkara ini tidak dihentikan, kesannya menjadi buruk terutamanya kepada remaja seperti saya.

Apakah yang akan berlaku kepada generasi muda seperti saya, apatah lagi dalam proses kami membesar dan menggantikan pemimpin sedia ada?

Apabila berbual, rakan lain juga memberitahu mereka muak dengan politik Malaysia.

Apa yang patut kami lakukan Dr.

**ANTI POLITIK
BERMASALAH,
Kuala Lumpur**

! Memang benar. Banyak kejadian yang berlaku dari aspek politik

? Kekasih saya seorang perempuan. Kami hanya berbeza umur dua tahun saja. Percintaan sejenis kami sudah lama. Hubungan kami bermula atas dasar ambil berat. Kemudian perasaan itu bertukar kepada sayang dan seterusnya saling mencintai.

Saya pernah menjalin hubungan normal dengan beberapa lelaki, tapi semuanya berakhir dengan kekecewaan. Pendek kata saya tidak pernah dihargai lelaki.

Saya pernah mengalami putus tunang pada saat akhir hendak melangsungkan perkahwinan. Hanya Allah saja yang mengerti perasaan dan kekecewaan saya pada waktu itu.

Sejak itu saya terus membuang dan menolak kehadiran lelaki dalam hidup. Bagi saya semua lelaki hipokrit. Kini, saya berjumpa kekasih setia walaupun sejenis dengan saya.

Saya tahu hubungan kami berdosa besar dan tahu ia tidak akan kekal lama.

Apa yang patut saya lakukan kerana hati saya langsung tiada perasaan terhadap lelaki. Hati dan perasaan saya hanya kepada perempuan saja.

**KELIRU,
Palau Pinang.**

! Kekecewaan percintaan dengan bekas tunang dan kegagalan bercinta dengan insan bernama lelaki banyak mengubah corak pemikiran dan gaya hidup adik.

Adik membuang jauh lelaki sebaliknya mencintai wanita sebagai galang ganti rasa kecewa.

Perhubungan lesbian adik membawa kepada kebahagiaan namun masih berada dalam dilema. Adik tidak mahu berterusan terpalit dengan dosa dan noda.

Adik mengatakan ingin bertaubat. Untuk itu, adik perlu mengambil langkah untuk berubah (bertaubat). Langkah pertama ialah mengembalikan kepercayaan untuk menerima ke-

hadiran lelaki dalam hidup adik.

Salah satu cara untuk mengembalikan kepercayaan terhadap kaum lelaki ialah perlu mengubah corak pemikiran dan kepercayaan yang tidak rasional.

Pemikiran tidak rasional (bahawa semua lelaki adalah hipokrit) ternyata menguasai emosi sehingga adik lebih rela dan gembira bercinta dengan perempuan daripada lelaki.

Adik perlu membentuk sistem kepercayaan bahawa tidak semua lelaki adalah hipokrit. Realitinya, memang terdapat ramai lelaki yang setia kepada cinta yang satu. Cuma, adik belum bertemu lelaki jenis ini.

Seperti mana mana perhubungan, banyak akan berakhir sebelum seseorang bertemu pasangan yang betul. Ternyata, bekas tunang adalah lelaki yang salah hadir dalam hidup adik.

Untuk mana-mana peristiwa tentunya mempunyai hikmah di sebaliknya. Namun, memilih kaum se-

jenis sebagai pengganti cinta yang hilang akan lebih membawa keburukan.

Selagi masih menganggap semua lelaki hipokrit, sehingga itulah adik sukar untuk mengubah corak hubungan songsang ini. Cinta kurniaan Ilahi mengapa mesti dibenci?

Yang harus dibenci dan dihindari ialah kepalusuan, bukan cinta. Jika adik ingin membenci, orang itu ialah bekas tunang adik, bukan semua lelaki.

Jika adik berpisah dengan teman wanita, bertakutlah sebab mengapa adik tidak lagi ingin menjadi kekasihnya. Ini membuktikan dia faham perkara sebenar. Meninggalkan dia tanpa sebarang alasan akan memudaratkan perasaannya samalah seperti perasaan adik yang dilukai apabila ditinggalkan bekas tunang. Dr doakan adik cukup berani mengambil keputusan yang membawa kebaikan. Dr doakan adik berjaya.

**Remaja songsang
mahu berubah**